

10/10/2002

Dolak-dalik Singapura (HL)

Wan Hazmir Bakar; Tuan Nazuri Tuan Ismail

KUALA LUMPUR, Rabu - Singapura hari ini menafikan Perdana Menteri Goh Chok Tong bersetuju bahawa Malaysia mempunyai hak untuk menyemak semula harga air mengikut perjanjian 1961 dan 1962.

Setiausaha Akhbar Goh, Ong Keng Yong dalam kenyataannya, berkata pendirian Singapura bahawa Malaysia tidak mempunyai asas undang-undang untuk menyemak semula harga air mengikut perjanjian itu selepas kelewatan 15 dan 16 tahun tidak berubah.

Pendirian itu bercanggah dengan kenyataan Goh dalam perjumpaan dengan pengarang kanan akhbar sempena Sidang Kemuncak Ekonomi Asia Timur di sini, semalam.

Berikut adalah sedutan jawapan Goh mengenai isu air pada sesi pertemuan itu:

"Pegawai-pegawai akan bermesyuarat pada 16 dan 17 Oktober bagi mengurangkan lagi percanggahan mengenai harga air dan memandangkan mereka akan bermesyuarat, saya akan menggalakkan mereka seberapa boleh mengurangkan lagi percanggahan itu.

"Kepada persoalan berapakah harga air yang akan kami beli pada masa depan dan harga sekarang yang patut disemak, kami mempunyai dua perjanjian - 1961 dan 1962, yang mana kami membeli air mentah pada harga 3 sen bagi setiap 1,000 gelen.

"Di bawah perjanjian itu harga air patut disemak selepas 25 tahun, iaitu 1985 dan 1986. (Tetapi) Malaysia tidak berbuat demikian, (sebaliknya) Malaysia ingin menyemaknya sekarang dan kami katakan lihatlah kepada perjanjian kamu dan bagaimana ia boleh disemak.

"Tetapi pada prinsipnya kami tidak menentang semakan harga melebihi tiga sen itu, tetapi perlulah ada asas bagi harga baru itu dan inilah perkara untuk dibincangkan di antara pegawai dan apakah asas sesuai yang akan menjurus kepada harga yang kedua-dua pihak boleh terima."

Bagaimanapun, kenyataan Ong yang difaks Suruhanjaya Tinggi Singapura di sini hari ini, bercanggah dengan penjelasan Perdana Menteri Singapura itu.

Dalam kenyataan itu, Ong menafikan Goh dalam perjumpaannya dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bersetuju bahawa Malaysia berhak menyemak semula harga air.

Penafian itu dikeluarkan menyusul kenyataan Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berhubung hasil perjumpaan Goh dan Dr Mahathir.

Ong berkata, aspek perundangan perjanjian air 1961 dan 1962 yang membolehkan semakan semula harga air dilakukan selepas 25 tahun, tidak dibincangkan Goh dan Dr Mahathir.

"Bagaimanapun, Goh memaklumkan kepada Dr Mahathir bahawa Singapura bersedia untuk membincangkan kajian semula harga itu sebagai pakej dua hala," katanya.

Ong juga menafikan kenyataan Syed Hamid bahawa Perdana Menteri Singapura itu bersetuju supaya isu semakan harga air dibincangkan secara berasingan daripada pakej isu dua hala yang tertangguh sekian lama.

Katanya, Goh sebenarnya memberitahu Dr Mahathir bahawa semua isu, termasuk cadangan Malaysia untuk mengkaji semula harga air yang dibeli Singapura dari Johor, mesti diselesaikan sebagai sebahagian daripada pakej isu dua hala.

Sementara itu, Syed Hamid ketika ditemui pemberita petang ini, berkata sekiranya Singapura dan Malaysia mahu mencapai keputusan muktamad berhubung harga air, negara itu tidak boleh 'berkonflik' mengenai

perkataan yang digunakan dalam perbincangan semalam.

Beliau berkata, berdasarkan perbincangan itu, Malaysia dan Singapura bersetuju untuk membincangkan soal harga air saja pada pertemuan akan datang.

"Ini terpulang kepada Singapura. Pendirian kita ialah pada mesyuarat akan datang kita hanya akan membincangkan soal harga air," katanya selepas mempengerusikan syarahan umum Menteri Luar Baitulmaqdis bagi Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO), Dr Sari Nusseibeh.